



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**7 JUN 2021 (ISNIN)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**7 JUN 2021 (ISNIN)**

# Penjaja buah-buahan bermusim boleh niaga

**Kuala Berang:** Penjaja buah-buahan bermusim seperti durian boleh berniaga sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh, dengan mempamerkan permit tetap atau sementara dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata penjaja buah-buahan mendapat kebenaran dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk berniaga sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sehingga 14 Jun ini.

Susulan itu, beliau berkata, peniaga tidak perlu memohon ke-lulusan COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0, sebaliknya hanya perlu mem-pamerkan permit perniagaan sama ada tetap atau sementara di lokasi mereka beroperasi.

"Kita faham dilema dihadapi peniaga kerana musim durian sudah bermula. Saya sendiri banyak menerima pertanyaan peniaga mengenai perkara ini, sama ada boleh berniaga atau tidak dan mereka bimbang kerugian dialami.

"Kita tahu buah-buahan tidak tahan lama dan mereka diberi kebenaran oleh KPKT untuk berniaga supaya tidak terkesan, selain mengelak lambakan hasil tani-naman berkenaan.

"Kebakaran itu juga terpakai untuk penjaja kecil lain," katanya selepas melakukan tinjauan Gerobok Prihatin di Masjid Ajil, di sini.

Sebelum ini, peniaga durian di Pulau Pinang mendakwa kerugian puluhan ribu ringgit kerana pihak PBT tidak membenarkan mereka berniaga ketika tempoh PKP 3.0 yang berkuat kuasa baru-baru ini.



Rosol (kanan) pada majlis Penyerahan bantuan khas COVID-19 Gerobok Prihatin kepada Jawatankuasa Masjid Pekan Ajil. (Foto Ghazali Kori/BH)

## Peniaga durian boleh berniaga sepanjang SPP

**Kuala Berang:** Peniaga buah-buahan bermusim seperti durian masih boleh berniaga sepanjang sekatan pergerakan penuh (SPP) namun perlu mempamerkan permit tetap atau sementara yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata, pihak berkenaan mendapat kebenaran daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk berniaga sepanjang tempoh SPP sehingga 14 Jun ini.

Menurutnya, mereka juga tidak perlu memohon kelulusan *Covid-19 Intelligent Management System (CIMS)* 3.0, sebaliknya mempamerkan permit perniagaan sama ada tetap atau sementara.

"Kita faham dilema yang dihadapi peniaga kerana musim durian sudah bermula. Saya banyak menerima pertanyaan penia-



ROSOL

ga mengenai perkara ini, sama ada boleh berniaga atau tidak dan mereka bimbang kerugian yang dialami.

"Kita tahu buah-buahan ini tidak tahan lama dan mereka diberi kebenaran oleh KPKT untuk berniaga supaya tiada yang terkesan selain mengelak lambakan hasil tanaman berkenaan. Kebenaran itu juga terpakai untuk penjaja kecil lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melakukan tinjauan Gerobok Prihatin di Masjid Ajil di sini, kelmarin.

# Aduan diserahkan kepada SKMM

KPDNHEP terima 38 aduan mengenai pakej subsidi Jaringan Prihatin yang dikendalikan sebuah syarikat telekomunikasi

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM



ROSOL

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan pihaknya menerima aduan daripada orang ramai mengenai pakej subsidi Jaringan Prihatin yang dikendalikan oleh sebuah syarikat telekomunikasi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, setakat ini sebanyak 38 aduan mengenai kes itu telah diterima.

Menurut beliau, ia termasuk dakwaan syarikat terbabit membekalkan telefon tidak berkualiti kepada pengguna di bawah subsidi Jaringan Prihatin bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) untuk golongan B40.

“Memang kita ada menerima aduan berkenaan kes itu dan aduan diserahkan

kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk siasatan dan tindakan lanjut.

“Ia kerana kes berkaitan syarikat telekomunikasi berada di bawah bidang kuasa SKMM,” katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Sebelum ini *Sinar Ahad* melaporkan tentang penularan satu klip video di media sosial yang mendakwa sebuah syarikat telekomunikasi membekalkan telefon bimbit tidak berkualiti kepada pengguna di bawah subsidi Jaringan Prihatin.

Video berdurasi 10 minit 34 saat itu dimuat naik di saluran YouTube oleh pemilik akaun menggunakan nama ‘VestaEris’.

Difahamkan punca klip video itu ditularkan disebabkan kecewa kerana tidak mendapat telefon bimbit mengikut spesifikasi yang diharapkan

kerana antaranya kamera telefon itu menggunakan megapixel yang rendah, jangka hayat bateri tidak tahan lama dan perisian tidak relevan untuk digunakan pada zaman ini.

Rosol berkata, sekiranya masih ada pengguna yang berdepan masalah sama, aduan boleh dibuat secara terus kepada SKMM di talian hotline 1-800-188-030 atau

aduan secara online di <https://aduan.skmm.gov.my> atau e-mel di [aduanskmm@mcmc.gov.my](mailto:aduanskmm@mcmc.gov.my).

Katanya, KPDNHEP menyediakan sembilan saluran aduan termasuk talian hotline bernombor 1-800-886 800 yang dibuka sepanjang masa untuk memudahkan pengguna membuat aduan tentang kepenggunaan.

## Pengguna dakwa dapat telefon ‘cilik’

Laporan Sinar Ahad berkaitan rasa tidak puas hati pengguna terhadap pakej sebuah syarikat telekomunikasi.

Penularan COVID-19

# SOP tempoh 2 jam dalam premis niaga ditangguh

**KPDNHEP saran pengguna tidak ambil masa lama bagi elak risiko jangkitan**

Oleh Balqis Jazimah Zahari  
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menagguhkan penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) berhubung tempoh dua jam pengguna dalam premis perniagaan.

Pengarah Penguatkuasannya, Azman Adam, berkata pihaknya sudah menghapuskan SOP berkenaan yang asalnya berkuat kuasa-25 Mei lalu, sebaik mendapat pengumuman untuk mengadakan sekatan pergerakan penuh mulai 1 Jun lalu.

"Sebaik mendapat pengumuman lockdown (sekatan pergerakan penuh), kita menghapuskan tempoh dua jam seseorang pengguna itu boleh berada dalam sesuatu premis ataupun pasar raya, kompleks dan sebagainya.

"Bagaimanapun kita sarankan pengguna jangan ambil masa terlalu lama kerana kita hendak kurangkan risiko dan memastikan orang ramai lebih menghabiskan masa di rumah daripada di pasar



Pengguna dinasihati segerakan urusan membeli-belah barang keperluan bagi mengelak jangkitan COVID-19. (Foto hiasan)

raya atau kedai yang tidak sepatutnya," katanya.

Bercakap kepada media selepas mengetuai Ops Bersepadu Pemeriksaan SOP Akta 342 di Lotus Extra Bercham, semalam, beliau menasihatkan pengguna segera menyelesaikan urusan di luar dan balik ke rumah dalam usaha memastikan rantaian wabak dapat diputuskan.

Sementara itu, Azman berkata, sebanyak 579, 892 premis sudah diperiksa sebelum 227 dikenakan

kompauan sejak penguatkuasaan pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) digerakkan pada Mei hingga semalam.

"Pematuhan dalam sektor perdagangan penderahan memuatkan, yang mana 98.51 peratus premis patuh kepada SOP, manakala 0.10 peratus premis sahaja dikenakan kompauan dan selebihnya iaitu 1.36 peratus diberi nasihat dan amaran," katanya.

Katanya, sebanyak 41 kes membabitkan syarikat atau individu

yang gagal mematuhi SOP dengan nilai kompauan RM283,500 sepanjang tempoh pelaksanaan PKP 3.0 bermula 1 Jun hingga semalam.

"Mengikut data sejak awal penguatkuasaan, kesalahan paling banyak adalah sektor peruncitan iaitu kedai serbaneka di stesen minyak. Kedai ini dibenarkan beroperasi jam 8 pagi tetapi ada buka seawal 6 atau 7 pagi dan tutup lebih lewat daripada waktu dibenarkan," katanya.

## Two-hour shopping limit rule suspended

By MANJIT KAUR  
manjit@thestar.com.my

**IPOH:** The two-hour limit for consumers to shop at retail outlets has been suspended.

Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam said the decision to defer the time limit was to prevent panic buying.

"When the full lockdown was introduced, we did not want people

to start panic buying," he said.

Azman, however, said people should not take advantage of the deferment and take their time.

"They should grab the items and leave as fast as possible and stay home," he said after visiting Tesco Lotus Bercham here yesterday to check on SOP compliance.

He said the decision was made on

May 28 after the government decided to announce a nationwide full lockdown.

In May, minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said shoppers would be limited to two hours to shop under the tightened SOP.

Nanta had said the ministry would mobilise 2,262 enforcement officers nationwide to ensure

compliance at all premises involved in trade, retail and restaurants.

On another matter, Azman advised non-governmental organisations buying the essential items for donation purposes to get their supplies directly from factories or wholesalers to ensure consumers have enough supply throughout the

lockdown period.

He said those seeking to do bulk buying could get in touch with the ministry for recommendation.

He said NGOs should not get their supplies from small sundry shops in villages or outlets that could affect consumers' supply.

"It is good for NGOs to carry out the deeds, but we are advising them to get these items at proper channels as not to disrupt the supply chain," he said.



MINYAK masak yang dirampas KPDNHEP Kelantan di Kampung Rogayah, kelmarin.

## KPDNHEP rampas 9,350kg minyak masak

**Pasir Mas:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan merampas 9,350 kilogram minyak masak bernilai RM23,375 dalam serbuan di Kampung Rogayah di sini, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatkuasanya Azanizam Affendi

Juri berkata, dalam operasi bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Tumpat, pihaknya menggeledah sebuah stor simpanan yang disyaki menyimpan minyak masak berkenaan hasil risikan seminggu.

Katanya, seorang lelaki berusia 50-an turut ditahan dipercayai cuba menyeludup

barangan berkenaan ke negara jiran melalui laluan sepanjang Sungai Golok.

"Hasil siasatan, sindiket itu menjadikan stor di sempadan negara yang berada di lokasi strategik iaitu laluan sungai sebagai tempat simpanan sementara sebelum diseludup ke negara jiran.

"Kes disiasat mengikut

Akta Kawalan Bekalan 1961 dan kita sedang menjejaki dari mana punca bekalan diperolehi suspek," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, KPDNHEP memberi amaran dengan mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja yang melakukan penyelewengan terutama barang kawalan.

## 'Menggigil' lihat harga minyak

**Johor Bahru:** Pengguna di bandar raya ini terkejut apabila mendapati harga minyak masak dalam botol terus naik melambung berbanding sebelum ini.

Tinjauan di beberapa pasar raya, kedai serbaneka serta pasar mini di Larkin dan Tampoi di sini, mendapati minyak masak dalam botol lima kilogram (kg) melonjak naik melepasi harga antara RM30 hingga RM32.70 sebotol berbanding hanya RM25.90 hingga RM28 sebotol sebelum ini.

Penyelia, Anuar Ariffin, 44, berkata, dia sangat terkejut dengan kenaikan mendadak harga minyak masak botol lima kg itu berbanding

bulan lalu.

Katanya, harga minyak masak botol lima kg itu hanya antara RM25.90 hingga RM28 sebelum ini.

"Peningkatan antara RM4 hingga RM7 untuk minyak masak botol lima kg terlalu drastik apatah lagi dalam tempoh tidak sampai sebulan.

"Keluarga saya besar dengan empat orang anak, takkan saya nak beli minyak masak paket RM2.50 setiap minggu untuk kegunaan keluarga, sedangkan sekarang perintah sekatan pergerakan penuh dikuatkuasakan.

"Pengguna seperti saya sangat terbeban apatah lagi pendapatan terjejas berikutan keadaan ekonomi belum

stabil. Adakah pihak berkuasa akan terus melihat sahaja sehingga minyak masak botol melepasi harga RM40 sebotol 'pula selepas ini,' katanya ketika ditemui.

Bagi Zura Mohd, 33, pula berkata, harga barang keperluan terutama minyak masak yang melonjak sangat membebankan pengguna.

"Saya beli minyak masak botol lima kg sebulan sekali dan apabila lihat harganya dah melepasi RM30 memang 'menggigil' jugalah.

"Dulu anak sekolah makan dua kali sehari sahaja, namun apabila sekolah ditutup saya sediakan makanan sehingga empat kali sehari dan ia jadi sangat membebankan



SEORANG pengguna memilih minyak masak di Johor Bahru, semalam.

kepada keluarga besar.

"Memang benar kerajaan hanya mengawal harga mi-

nyak paket polibeg satu kg sahaja, namun dengarnya seolah-olah menganiaya pengguna," katanya.